



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN MODUL RIMBA TERHADAP PENCAPAIAN, SIKAP DAN MINAT MURID ORANG ASLI DALAM MEMPELAJARI PERIBAHASA BAHASA MELAYU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SALIZA BINTI SAHLI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PENGGUNAAN MODUL RIMBA TERHADAP PENCAPAIAN, SIKAP
DAN MINAT MURID ORANG ASLI DALAM MEMPELAJARI PERIBAHASA
BAHASA MELAYU**

SALIZA BINTI SAHLI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15/9/2022

Student' Declaration:

Saya, SALIZA BINTI SAHLI, M20201000863 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN MODUL RIMBA TERHADAP PENCAPAIAN, SIKAP DAN MINAT MURID ORANG ASLI DALAM MEMPELAJARI PERIBAHASA BAHASA MELAYU adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR. NORFAIZAH ABDUL JOBAR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN MODUL RIMBA TERHADAP PENCAPAIAN, SIKAP DAN MINAT MURID ORANG ASLI DALAM MEMPELAJARI PERIBAHASA BAHASA MELAYU dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فنډيديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN PENGGUNAAN MODUL RIMBA TERHADAP PENCAPAIAN,
SIKAP DAN MINAT MURID ORANG ASLI DALAM MEMPELAJARI
PERIBAHASA BAHASA MELAYU

No. Matrik / Matric's No.: M20201000863

Saya / I: SALIZA BINTI SAHLI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
 - i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
 2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
 - ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
 3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
 - iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
 4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
 - iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /

Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi disertasi ini berjaya disiapkan dengan bantuan pelbagai pihak secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih kepada Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar penyelia disertasi yang banyak memberi nasihat dan bimbingan dalam menyiapkan disertasi ini. Bukan itu sahaja, beliau sentiasa memberi sokongan apabila kadang kala diri ini menemui kebuntuan untuk menyiapkan disertasi ini. Selain itu, guru-guru dan murid-murid daripada enam buah sekolah rendah Orang Asli di daerah Kuala Langat yang memberikan kerjasama yang sangat baik semasa kajian ini dijalankan. Seterusnya, kepada suami tercinta, mak dan abah yang sentiasa memberikan sokongan serta kasih sayang kepada diri ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang sentiasa ada jika memerlukan bantuan dan berkongsi ilmu yang mereka ada untuk menyiapkan disertasi ini. Terima kasih semua, hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas budi baik kalian. Semoga segala urusan kita dipermudahkan untuk memberi manfaat kepada orang lain.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan Modul Rimba terhadap pencapaian murid Orang Asli terutama dalam topik peribahasa. Objektif kajian adalah mengenal pasti perbezaan pencapaian min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan penguasaan peribahasa dalam Modul Rimba, mengenal pasti perbezaan pencapaian murid Orang Asli dalam penguasaan peribahasa berdasarkan latar belakang murid Orang Asli dan menganalisis hubungan antara sikap, minat dan pencapaian dalam penguasaan peribahasa murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa. Seramai 111 orang murid Orang Asli tahun tiga telah dipilih daripada enam buah sekolah sebagai sampel di daerah Kuala Langat, Selangor melalui kaedah *intact group*. Jumlah sampel daripada enam buah sekolah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu tiga sekolah sebagai kumpulan kawalan dan tiga sekolah lagi sebagai kumpulan rawatan. Data dianalisis dengan secara deskriptif dan inferensi. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ialah kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi-eksperimental, tinjauan dan korelasi berlandaskan Teori Kognitif serta Pendekatan Didik Hibur. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan peningkatan min kumpulan rawatan daripada 26.69 kepada 58.05 selepas menggunakan Modul Rimba. Seterusnya, latar belakang murid Orang Asli bukanlah faktor utama yang menyebabkan peningkatan markah dalam pascaujian. Namun begitu, sikap dan minat mempunyai hubungan yang positif serta pada tahap yang kuat, dengan Pekali *Pearson r* ($n=111$, $p=0.000$) = 0.874. Penggunaan Modul Rimba dalam pembelajaran topik peribahasa telah meningkatkan pencapaian mereka dalam pascaujian. Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam penghasilan modul pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik untuk murid Orang Asli di Malaysia.



THE EFFECT OF USING RIMBA MODULE ON THE ACHIEVEMENT, ATTITUDE AND INTEREST OF ORANG ASLI STUDENTS IN LEARNING MALAY LANGUAGE PROVERBS

ABSTRACT

This study aims to identify the effectiveness of the Rimba Module on the achievement of Orang Asli students, especially in the topic of proverbs. The objective of the study is to identify significant mean achievement differences between control group and treatment group based on proverb proficiency in Rimba Module, identify differences in Orang Asli students' achievement in proverb proficiency based on Orang Asli students' background and analyze the relationship between attitudes, interests and achievement in proficiency of using proverbs among Orang Asli students in learning the topic of proverbs. A total of 111 year three Orang Asli students were selected from six schools as a sample from the district of Kuala Langat, Selangor through the intact group method. The total sample from six schools was divided into two groups, namely three schools as the control group and three more schools as the treatment group. Data were analyzed descriptively and inferentially. The design used in the study is quantitative by using quasi-experimental methods, survey and correlation based on Cognitive Theory and Entertainment Education Approach. The results obtained showed an increase in the mean of the treatment group from 26.69 to 58.05 after using the Jungle Module. Furthermore, the background of Orang Asli students was not the main factor causing the increase in marks in the post -test. Nevertheless, attitudes and interests had a positive relationship as well as at a strong level, with the Pearson Coefficient $r(n = 111, p = 0.000) = 0.874$. The use of the Jungle Module in learning the topic of proverbs has improved their achievement in the post -test. This study is expected to help in the production of better teaching and learning modules for Orang Asli students in Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xvi

SENARAI SINGKATAN xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 12

1.5 Persoalan Kajian 12

1.6 Hipotesis Nol 13

1.7 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Kesan	17
1.8.2 Modul Rimba	17
1.8.3 Pencapaian	19
1.8.4 Orang Asli	20
1.8.5 Peribahasa	25
1.8.6 Sekolah Rimba	27
1.8.7 Sekolah rendah yang digazetkan untuk murid Orang Asli	29
1.8.8 Pembelajaran Tradisional	30
1.8.9 Minat	30
1.8.10 Sikap	31
1.8.11 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	32
1.9 Batasan Kajian	33
1.10Kepentingan Kajian	34
1.10.1 Membantu meningkatkan kefahaman murid Orang Asli dalam peribahasa	35
1.10.2 Menambahbaik Amalan Pengajaran Guru	35
1.10.3 Menawarkan Pendekatan Strategi Pengajaran untuk dihebahkan kepada Tenaga Pengajar dan Murid	36
1.11Rumusan	37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	39
2.2 Konsep Teori Dan Pendekatan	40
2.2.1 Teori Kognitif	41
2.2.2 Pendekatan Didik Hibur	45
2.3 Kajian-Kajian Lepas	48
2.3.1 Kajian berkaitan Sekolah Rimba	48
2.3.2 Kajian penguasaan bahasa	54
2.3.3 Kajian berkaitan penghasilan modul pembelajaran dan pengajaran	59
2.3.4 Kajian berkaitan masalah pendidikan murid	64
2.3.5 Kajian berkaitan peribahasa	72
2.3.6 Kajian berkaitan Kaedah Pengajaran Peribahasa Guru	75
2.4 Rumusan	78

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	80
3.2 Reka Bentuk Kajian	81
3.2.1 Kaedah Kuasi-Eksperimental	82
3.2.2 Kaedah Tinjauan	85
3.2.3 Kaedah Korelasi	86
3.3 Sampel Kajian	87
3.4 Instrumen	90

3.5 Kajian Rintis	92
3.5.1 Kesahan	93
3.5.2 Kebolehpercayaan	94
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	95
3.6.1 Praujian dan Pascaujian	95
3.6.2 Borang Soal selidik	96
3.7 Kaedah Penganalisisan Data	100
3.7.1 Analisis Statistik Deskriptif	100
3.7.2 Analisis Statistik Inferensi	101
3.8 Rumusan	102

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	104
4.2 Demografi Responden	105
4.3 Analisis kajian sikap murid terhadap pembelajaran topik peribahasa	108
4.4 Analisis minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa	115
4.5 Analisis Hasil Praujian dan Pascaujian	120
4.6 Analisis pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan kawalan dan rawatan	125
4.7 Analisis perbezaan pencapaian penguasaan peribahasa berdasarkan latar belakang murid	129
4.8 Analisis hubungan sikap, minat dan pencapaian dalam penguasaan peribahasa murid Orang Asli terhadap penggunaan Modul Rimba	143
4.9 Rumusan	146

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	147
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	147
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	149
5.3.1	Perbincangan analisis pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan kawalan dan rawatan	150
5.3.2	Perbincangan analisis faktor latar belakang mempengaruhi pencapaian penguasaan topik peribahasa murid Orang Asli	153
5.3.3	Perbincangan analisis hubungan sikap, minat dan pencapaian penguasaan murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa	163
5.4	Kesimpulan Hasil Dapatan Kajian	164
5.5	Implikasi Kajian	165
5.5.1	Implikasi terhadap pengetahuan	166
5.5.1.1	Implikasi pengetahuan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	166
5.5.1.2	Implikasi pengetahuan kepada Guru	167
5.5.1.3	Implikasi kepada Murid	168
5.5.2	Implikasi terhadap teori	169
5.5.2.1	Implikasi kepada Teori Kognitif	169
5.5.2.2	Implikasi kepada Pendekatan Didik Hibur	170
5.5.3	Implikasi terhadap praktikal	172
5.5.3.1	Implikasi kepada Modul Rimba	172
5.6	Kebaharuan kajian : implementasi peribahasa dalam pembelajaran dan pengajaran Modul Rimba	173

5.7 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	173
------------------------------------	-----

5.8 Penutup	175
-------------	-----

RUJUKAN	176
----------------	-----

LAMPIRAN	184
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kandungan Tema dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Modul Rimba	4
1.2	Bilangan Orang Asli Mengikut Etnik sehingga Jun 2018	20
2.1	Fasa Perkembangan Kognitif Piaget	43
3.1	Pensampelan Kajian	89
3.2	Interpretasi Skor	101
3.3	Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi	102
3.4	Skor markah untuk praujian dan pascaujian.	102
4.1	Taburan kekerapan dan peraturan demografi murid orang Asli di enam buah sekolah di daerah Kuala Langat	105
4.2	Taburan peratusan, min dan sisihan piawai bagi sikap murid terhadap pembelajaran topik peribahasa	109
4.3	Taburan peratusan, min dan sisihan piawai bagi minat murid terhadap pembelajaran topik peribahasa	115
4.4	Analisis markah pada peringkat praujian serta pascaujian mengikut markah dan gred bagi bilangan murid Orang Asli dalam kumpulan kawalan dan rawatan	120
4.5	Praujian Kumpulan Kawalan	122

4.6	Praujian Kumpulan Rawatan	122
4.7	Pascaujian Kumpulan Kawalan	123
4.8	Pascaujian Kumpulan Rawatan	124
4.9	Pencapaian min skor penguasaan topik peribahasa murid Orang Asli dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan	125
4.10	Pencapaian min skor penguasaan topik peribahasa murid Orang Asli dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan	126
4.11	Pencapaian min skor penguasaan topik peribahasa murid Orang Asli dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	128
4.12	Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian dalam pencapaian penguasaan Peribahasa terhadap pembelajaran tradisional dan penggunaan Modul Rimba berdasarkan jantina.	130
4.13	Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian terhadap pencapaian penguasaan peribahasa dalam pembelajaran tradisional serta penggunaan Modul Rimba berdasarkan pegangan agama	131
4.14	Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian terhadap penguasaan peribahasa dalam pembelajaran tradisional serta penggunaan Modul Rimba berdasarkan bahasa utama	133
4.15	Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian terhadap penguasaan peribahasa dalam pembelajaran tradisional serta penggunaan Modul Rimba berdasarkan tempat tinggal	135
4.16	Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian dalam penguasaan peribahasa dalam pembelajaran tradisional serta penggunaan Modul Rimba berdasarkan pekerjaan keluarga	137

- 4.17 Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian dalam penguasaan peribahasa dalam pembelajaran tradisional serta penggunaan Modul Rimba berdasarkan golongan pendapatan 139
- 4.18 Pencapaian min bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian dalam penguasaan peribahasa dalam pembelajaran tradisional serta penggunaan Modul Rimba berdasarkan bilangan adik-beradik 141
- 4.19 Pekali korelasi sikap dan pencapaian penguasaan murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa 144
- 4.20 Pekali korelasi minat dan pencapaian penguasaan murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa 144
- 4.21 Pekali korelasi sikap dan minat dalam pencapaian penguasaan murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa 145

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kesan Modul Rimba terhadap pencapaian, latar belakang, sikap dan minat dalam penguasaan peribahasa murid Orang Asli	16
2.1 Permasalahan kajian lalu dan cetusan idea kajian	79
3.1 Carta alir proses kajian yang dijalankan	82
3.2 Reka bentuk Praujian dan Pascaujian yang dijalankan terhadap murid Orang Asli	85
3.3 Aliran kaedah tinjauan	86
3.4 Fungsi kajian rintis	93
3.5 Prosedur proses pengumpulan data	98
4.1 Perbezaan min skor kumpulan kawalan pada peringkat praujian dan pascaujian	126
4.2 Perbezaan min skor kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian	127
4.3 Perbezaan min skor kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan pada peringkat pascaujian	129
4.4 Perbandingan nilai min jantung bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian	131

- 4.5 Perbandingan nilai min pegangan agama bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian 133
- 4.6 Perbandingan nilai min bahasa utama bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian 135
- 4.7 Perbandingan nilai min tempat tinggal bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian 137
- 4.8 Perbandingan nilai min pekerjaan keluarga bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian 139
- 4.9 Perbandingan nilai min golongan pendapatan bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian 141
- 4.10 Perbandingan nilai min bilangan adik-beradik bagi kumpulan rawatan pada peringkat praujian dan pascaujian 143

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
JAKOA	Jabatan Kebajikan Orang Asli
KHSR	Kemahiran Hidup Sekolah Rendah
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPKKOA	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli
SK	Sekolah Kebangsaan
SMI	Seksyen Modal Insan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Kertas Praujian
- C Kertas Pascaujian
- D Borang Kesahan
- E Surat Kebenaran daripada ERAS
- F Surat Kebenaran daripada JPN Selangor
- G Surat Kebenaran daripada PPD Kuala Langat
- H Modul Rimba
- I Gambar Aktiviti Yang Dijalankan Di Sekolah Kajian



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Institusi pendidikan sangat penting kepada masyarakat untuk melahirkan masyarakat yang berintelektual. Pelbagai usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan taraf pendidikan negara khususnya kepada murid Orang Asli. Usaha tersebut adalah menyediakan modul pengajaran yang mampu menarik minat murid Orang Asli ini untuk belajar seperti Modul Rimba. Salah satu mata pelajaran yang terkandung dalam Modul Rimba untuk dipelajari ialah bahasa Melayu. Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan warganegara Malaysia perlu mahir berbahasa Melayu. Selain itu, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKP) turut mengetengahkan tiga kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran tersebut adalah mendengar serta bertutur, membaca dan menulis. Contohnya, kertas soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Bahasa Melayu mengandungi soalan peribahasa untuk menguji pelbagai aspek seni bahasa dan penulisan karangan serta peribahasa perlu ditulis untuk menjadikan karangan itu gramatis. Hal ini penting



untuk murid Orang Asli mempelajarinya supaya mereka tidak ketinggalan dalam peratusan pemarkahan Bahasa Melayu tersebut. Selain itu, unsur-unsur persekitaran sekeliling yang dikaitkan dengan peribahasa Melayu dapat menarik minat mereka dan meningkatkan pencapaian mereka dalam mempelajari bahasa Melayu. Fokus bab ini adalah berkaitan latar belakang kajian, masalah yang diketengahkan dalam kajian, rangka kerja konsep, tujuan dan objektif kajian ini, hipotesis nol, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional serta ringkasan umum bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Keamanan dan kestabilan sesebuah negara datang daripada perpaduan masyarakat yang menjadi tiang kemakmuran juga kedamaian (Abd Aziz A'zmi et al., 2017). Seperti yang kita sedia maklum, majoriti kaum yang ada di Malaysia adalah Melayu, Cina dan India serta penduduk asal iaitu Orang Asli. Salah satu Orang Asli ialah Orang Asli Semenanjung Malaysia. Sejarah telah membuktikan bahawa penduduk Orang Asli antara orang yang terawal di Tanah Melayu. Kebanyakan daripada Orang Asli tinggal di pedalaman menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Mereka terdiri daripada kumpulan penduduk peribumi Senoi, Melayu-Proto dan Negrito. Inisiatif kerajaan telah menggubal Akta Orang Asli untuk menjaga keselamatan dan hak Orang Asli di negara ini agar mereka mendapat keistimewaan seperti kaum yang lain.

Tempat tinggal Orang Asli Semenanjung Malaysia adalah di tepi hutan dan pedalaman. Perkara ini menyebabkan mereka ketinggalan dari segi ekonomi dan sosial. Murid Orang Asli mempunyai tahap pendidikan yang rendah berbanding purata





kebangsaan kerana kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan orang Asli (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Matlamat membangunkan dasar pendidikan untuk Orang Asli dan etnik minoriti adalah untuk mengurangkan kadar keciciran dan meningkatkan pendidikan untuk murid Orang Asli. Pada Jadual 4.9 laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) menunjukkan 61 peratus murid SK Asli lulus mata pelajaran teras peperiksaan UPSR, berbanding purata kebangsaan 87 peratus. Oleh itu, pihak KPM telah menggariskan secara jelas tumpuan yang akan dilaksanakan kepada murid Orang Asli dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025.

Menurut Nur Bahiyah Abdul Wahab et al. (2019), Sekolah Rimba adalah pendekatan yang lebih semula jadi dan praktikal untuk pembelajaran ekstra kurikulum dengan menjadikan hutan dan sumbernya sebagai tempat serta bahan pembelajaran.

Melalui kewujudan Sekolah Rimba maka terhasillah Modul Rimba bagi meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli, Modul Rimba telah diperkenalkan sejak di sekolah rendah lagi untuk membantu mereka menguasai bahasa Melayu yang menjadi bahasa perpaduan di Malaysia. Modul ini adalah cetusan daripada Penyelidik Rimbagogi yang terdiri daripada Dr. Nur Bahiyah binti Abdul Wahab, Che Lah bin Mamat dan Dr. Aminuddin Mohamed. Modul Rimba mengandungi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang menjadi keutamaan. Selain itu, modul ini hanya melibatkan murid tahun satu hingga tiga sahaja. Pemetaan topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu hanya melibatkan lima tema iaitu memancing ikan, kraftangan, memburu, bercucuk tanam dan kenal alam sekeliling. Standard Pembelajaran (SP) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) hanya melibatkan satu atau dua sahaja Standard Pembelajaran (SP) dalam tahun satu, dua serta tiga seperti berikut:





Jadual 1.1

Kandungan Tema dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Modul Rimba

Tema	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Memancing	2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul.		
Kraftangan	i. vokal ii. konsonan 4.2.1 Melafazkan pantun dengan intonasi yang betul. i. Pantun dua kerat.		
Memburu		5.1.1 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan golongan kata mengikut konteks. i. Kata nama am. ii. Kata nama khas. iii. Kata ganti nama. iv. Penjodoh bilangan. 3.2.1 Membina dan menulis. i. Perkataan. ii. Frasa.	
Bercucuk tanam			1.1.1 Mendengar, mengecam sebutan, memahami dan menyebut dengan betul dan tepat.
Kenal alam sekeliling			

Penyelidikan ini dijalankan untuk memahami keberkesanan Modul Rimba yang berteraskan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) untuk memberi bantuan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan murid Orang Asli. Melalui program pendidikan guru, penerapan linguistik dapat disatukan melalui pelbagai bentuk bahan bacaan atau modul untuk meningkatkan penguasaan bahasa dan pendidikan (Dario Luis Banegas, 2021). Bahan pengajaran yang lengkap dengan isi kandungan mata pelajaran serta strategi, tindakan dan gerak kerja ialah modul yang dijalankan oleh guru bersama-sama dengan penilaian ke atas murid. Semua maklumat dalam modul membolehkan pengajaran guru lebih berkesan sebagai Modul Pengajaran. Penglibatan satu kumpulan





atau kelas bagi menguji modul pengajaran ini. Modul Rimba diperkenalkan untuk murid Orang Asli supaya mereka mendapat pendidikan secara formal dan tidak formal melalui kehidupan yang mereka lalui. Secara umumnya, persekolahan akan berlaku di dalam bilik darjah tetapi Modul Rimba ini cuba menerapkan kehidupan murid Orang Asli untuk menarik minat mereka dalam proses pengajaran.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilancarkan secara berperingkat pada tahun 2017, maka Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu darjah tiga telah dilaksanakan pada tahun 2019. DSKP Bahasa Melayu ini mengandungi tiga kemahiran dan dua aspek yang perlu dikuasai oleh semua murid iaitu merangkumi kemahiran mendengar serta bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa. Selain itu, kandungan DSKP turut menyenaraikan beberapa standard iaitu Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu dikuasai oleh murid tahun 3 untuk mendapatkan Standard Prestasi (SPi) satu sehingga enam. Kajian ini akan berfokus kepada aspek seni bahasa dalam Standard Kandungan (SK) 4.1 iaitu mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahasa sastera yang skopnya dikecilkan kepada Standard Pembelajaran (SP) 4.1.1 bercerita dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan santun meliputi topik simpulan bahasa, bandingan semacam dan perumpamaan. Walaupun kajian ini mempunyai tiga subtopik di dalam peribahasa tetapi hanya simpulan bahasa dan perumpamaan sahaja yang akan diberi penekanan kepada murid Orang Asli tersebut.

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa perhubungan utama sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Bahasa ini digunakan secara meluas dalam perdagangan dan hubungan diplomatik.





Pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan dan ekonomi di Nusantara telah berkembang pesat. Bahasa Melayu berkembang pesat merangkumi masyarakat yang lebih luas seperti orang bukan Islam dan bukan orang Melayu. Dalam Kitab Sejarah Melayu menyebut bagaimana para pedagang bertungkus-lumus mempelajari bahasa Melayu dan menguasainya bagi memudahkan mereka berurusan dengan pemimpin serta masyarakat setempat yang telah lama menggunakan bahasa itu. Surat-surat rasmi dan dokumen dalam konteks hubungan antarabangsa turut menggunakan bahasa Melayu bertulis jawi. Hal ini membuktikan bahasa Melayu difahami oleh pelbagai kaum termasuk pihak British.

Bahasa Melayu adalah asas pembinaan negara dan budaya masyarakat. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah memainkan peranan penting dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai asas pembinaan negara bangsa. Malah, Perkara 152 mengiktiraf dan mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Hal ini diperkatakan demikian kerana negara ini mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan sangat memerlukan satu bahasa sebagai panduan. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan sangat penting dalam masyarakat yang berbilang bangsa seperti negara Malaysia. Negara akan menjadi kucar-kacir dan musnahlah sebuah negara yang berdaulat tanpa perpaduan.

Peribahasa mempunyai rima yang indah untuk mencerminkan pemikiran orang Melayu yang beraras tinggi walaupun hanya berimajinasi. Peribahasa amat dekat dengan kaum Melayu kerana wujud melalui rasa dan pengalaman hidup yang ditempuhi oleh masyarakat Melayu dahulu. Peribahasa merupakan salah satu komponen penting dalam puisi tradisional yang dapat membentuk nilai-nilai murni Melayu (Marriane Tang Nguik Hong et al., 2021). Peribahasa boleh dipelajari oleh murid Orang Asli





melalui unsur yang berada di sekeliling mereka agar dapat membantu mereka untuk memahami peribahasa tersebut. Sebagai contoh, peribahasa ‘bagai aur dengan tebing’, di mana sungai sangat relevan dengan kaum Orang Asli. Peribahasa bukan sahaja warisan bahasa Melayu, tetapi pandangan tentang kehidupan bermasyarakat, nilai, sikap dan cara berfikir, serta mencerminkan sensitiviti intelek masyarakat Melayu.

Seharusnya, aspek peribahasa perlu diajar sejak di sekolah rendah supaya murid boleh menghayati peribahasa dan faham penggunaan peribahasa tersebut untuk meningkatkan tahap berbahasa mereka. Penilaian kemahiran berbahasa yang dimaksudkan adalah kemampuan murid untuk membina ayat yang gramatis dalam penulisan atau bahasa yang bertatusila semasa bertutur. Contohnya, penulisan karangan yang dihasilkan menjadi lebih indah dan bermutu apabila diselitkan dengan peribahasa dalam ayat tersebut.



Reka bentuk kuasi-eksperimental dengan kaedah kuantitatif diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Borang soal selidik dan kertas ujian adalah instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Kertas ujian terbahagi kepada praujian dan pascaujian untuk mengetahui pencapaian murid Orang Asli manakala Modul Rimba bertindak sebagai bahan bantu mengajar dalam kajian ini. Terdapat enam buah sekolah rendah yang digazetkan kepada murid Orang Asli di Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat iaitu SK Sungai Bumbun, SK Bukit Cheding (Asli) , SK Bukit Kemandol (Asli), SK Sungai Judah, SK Bukit Tadam dan SK Sungai Bumbum (Asli). Seramai 111 orang murid tahun tiga daripada enam buah sekolah rendah ini akan membantu pengkaji menjalankan kajian ini.





1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan murid dalam bahasa Melayu di sekolah sering dibincangkan dalam pelbagai peringkat organisasi pendidikan apabila pencapaian murid dalam bahasa Melayu mengalami kemerosotan terutama murid Orang Asli. Menurut kajian Shahidi A.H et al., (2018) menjelaskan masa depan masyarakat Orang Asli dipengaruhi oleh pencapaian akademik terutama dalam penguasaan bahasa Melayu. Perkara ini dititik beratkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu bahawa murid mesti menguasai tiga kemahiran dan dua aspek. Tiga kemahiran tersebut adalah mendengar dan bertutur, membaca serta menulis. Selain itu, dua aspek yang diberi penekanan ialah seni bahasa dan tatabahasa. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ruslan Abdullah (2018), salah satu daripada enam aspirasi utama murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 adalah untuk meningkatkan literasi pelajar. Kajian yang dilaksanakan oleh Zainal Abidin Ali et al., (2019) menyatakan para sarjana masih mendebatkan isu berkaitan dengan pendidikan Orang Asli terutama yang melibatkan keciciran dan pencapaian prestasi murid kerana perkara ini dititik beratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya kaum Orang Asli tidak terasa dipinggirkan terutama mendepani arus pemodenan ini.

Aspek seni bahasa juga turut ditekankan di dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu seperti KOMSAS dan topik peribahasa. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Ashari Ismail et al. (2017) menjelaskan tahap pemahaman murid Orang Asli terhadap teks KOMSAS moden dan tradisional masih pada tahap yang rendah kerana mereka tidak menguasai kemahiran membaca serta menyukarkan mereka untuk memahami ayat huraian yang panjang. Seterusnya, masalah yang dihadapi menurut





kajian daripada Mohd Ridzuan Md Nasir (2017) menjelaskan majoriti murid berbangsa Bidayuh kurang menguasai peribahasa kerana apabila diminta untuk menyatakan beberapa peribahasa dan maksud peribahasa tersebut tapi masih memberikan jawapan yang mengecewakan guru yang mengajar mereka. Isu ini dikuatkan lagi dengan kajian daripada Azah Abdul Aziz (2018) menyatakan komponen peribahasa dalam penilaian Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) menunjukkan prestasi yang menurun dalam kalangan murid secara konsisten. Perkara ini amat membincangkan kerana murid Orang Asli akan kehilangan markah dalam penilaian Tatabahasa dan markah karangan mereka tidak mencapai tahap cemerlang apabila tidak menyelitkan peribahasa dalam penulisan mereka. Bertepatan dengan kajian daripada Rohaida Mazlan et al. (2020) menyatakan bahawa kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai oleh murid berbanding dengan kemahiran bertutur dan membaca terutama murid berbangsa Cina. Perkara ini bertepatan dengan kajian penyelidik kerana murid Orang Asli bukanlah penutur jati bahasa Melayu.

Kajian ini akan memberikan penekanan kepada topik peribahasa kepada murid Orang Asli untuk meneroka sendiri menggunakan unsur alam sekeliling mereka tanpa hanya menggunakan hafalan untuk mengingat sesuatu peribahasa. Kebanyakan murid Orang Asli hanya menguasai 3M tetapi 3M adalah main, makan dan menyanyi bukannya membaca, menulis dan mengira. Perkara ini disokong oleh kajian Ruslan Abdullah (2018) menyatakan permasalahan yang wujud semasa program LINUS adalah faktor bahan modul yang dibekalkan, latar belakang murid dan sosioekonomi keluarga, persekitaran pembelajaran serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa program intervensi berlangsung. Pelaksanaan Program LINUS boleh dijalankan dengan lebih berkesan dalam kalangan murid Orang Asli jika program tersebut





mengambil kira keunikan etnik murid Orang Asli yang terdiri daripada pelbagai etnik, perbezaan latar belakang, persekitaran dan petempatan serta kecerdasan dan tahap kognitif. Menurut M. Puspanathan Mayan et al. (2017) mendapati faktor kemudahan pendidikan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap motivasi. Penekanan utama adalah untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan berkualiti kepada semua rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang etnik atau sosioekonomi, dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang mementingkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Oleh itu, kajian ini ingin mencari penyelesaian berdasarkan latar belakang murid Orang Asli terhadap penguasaan pencapaian peribahasa mereka.

Kajian oleh Nur Bahiyah Abdul Wahab et al. (2019) menjelaskan kemunculan

Sekolah Rimba untuk membawa pendekatan semula jadi dan praktikal untuk pembelajaran di luar bilik darjah dengan menggunakan hutan dan sumbernya sebagai tempat serta bahan pembelajaran. Penyelidikan ini turut memperkenalkan Kit RIMBA, sebuah modul yang direka untuk membantu memperkasakan murid Orang Asli yang berorientasikan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM). Pengkaji telah menganalisis pemetaan topik dalam Modul Rimba untuk tahun tiga hanya mengandungi tema Kenal Alam Sekitar. Standard pembelajaran adalah 1.1.1 mendengar, mengecam sebutan, memahami dan menyebut dengan betul dan tepat. Pemetaan topik di dalam Modul Rimba tidak menyeluruh terutama dalam mengaitkan topik peribahasa. Sedangkan di dalam Dokumen Standard Kandungan Pembelajaran (DSKP) mengandungi standard pembelajaran simpulan bahasa, bandingan semacam dan perumpamaan. Justeru kajian ini ingin menilai tahap pencapaian murid Orang Asli tahun tiga apabila menggunakan Modul Rimba dalam pembelajaran bahasa Melayu terhadap topik peribahasa. Modul





Rimba tidak menyelitkan topik peribahasa maka pengkaji memberi penekanan kepada topik peribahasa kerana unsur rimba yang diterapkan dalam Modul Rimba tersebut. Kajian ini telah mengadaptasi topik peribahasa perlu diselitkan dalam Modul Rimba disebabkan banyak unsur alam yang membentuk peribahasa Melayu seperti ada rotan, ada duri. Justeru, rotan menjadi sumber pendapatan Orang Asli, sudah pastinya mereka mengenali pokok rotan yang mempunyai duri. Oleh itu, peribahasa Melayu sangat dekat dengan unsur alam yang berada di sekeliling kehidupan murid Orang Asli.

Kajian yang dilaksanakan oleh Zainal Abidin Ali et al. (2019) mendapati bahawa pencapaian murid Orang Asli dalam peperiksaan umum masih lagi kurang memuaskan. Jumlah murid Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang amatlah sedikit. Hal ini berlaku demikian kerana kadar kehadiran murid yang tidak mencapai KPI kebangsaan disebabkan kurangnya persekitaran pembelajaran yang kondusif seperti terlalu berfokus kepada peperiksaan, kurangnya pemahaman dalam kemahiran guru dalam menangani cabaran pembelajaran murid Orang Asli, kurangnya sokongan ibu bapa dan kurangnya penekanan terhadap pendidikan mengikut budaya masyarakat Orang Asli (Nurul Islam Mohd Isa & Zulkefli Aini, 2018). Menurut Nurul Islam Mohd Isa & Zulkefli Aini (2018) mendapati program pembangunan pendidikan murid Orang Asli Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan impak positif kepada kadar pengurangan keciciran murid Orang Asli dan meningkatkan kadar penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dalam kalangan murid dan ibu bapa Orang Asli.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan Modul Rimba terhadap pencapaian murid Orang Asli dalam penguasaan peribahasa. Perkara ini penting untuk mengetahui pencapaian murid Orang Asli dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutama dalam topik Peribahasa. Bagi mencapai matlamat yang diinginkan, objektif kajian yang diperlukan adalah:

- i. Mengenal pasti tahap sikap, minat dan pencapaian murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa.
- ii. Mengenal pasti perbezaan pencapaian min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan pencapaian penguasaan peribahasa dalam Modul Rimba.
- iii. Mengenal pasti perbezaan pencapaian penguasaan peribahasa murid Orang Asli berdasarkan latar belakang murid Orang Asli.
- iv. Menganalisis perhubungan antara sikap, minat dan pencapaian dengan penguasaan peribahasa murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian mengenai kesan Modul Rimba terhadap pencapaian penguasaan peribahasa murid Orang Asli adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap sikap, minat dan pencapaian murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa?



- ii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan pencapaian penguasaan peribahasa dalam Modul Rimba?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian penguasaan peribahasa murid Orang Asli berdasarkan latar belakang murid (jantina, pegangan agama, bahasa utama, tempat tinggal, pekerjaan keluarga, golongan pendapatan dan bilangan adik-beradik) tersebut?
- iv. Adakah terdapat perhubungan antara sikap, minat dan pencapaian dengan penguasaan peribahasa murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa?

1.6 Hipotesis Nol



Hipotesis nol ialah andaian bahawa "tiada hubungan" antara masalah (akibat) dan sebab (sebab) fenomena, atau bahawa tidak ada hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan bebas (Fuad Mohamed Berawi, 2017). Selain itu, hipotesis nol juga dianggap hipotesis yang mempunyai pernyataan negatif. Hipotesis yang diuji dalam kajian adalah seperti berikut:

- i. Hipotesis Nol (HO) 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian min skor peribahasa murid Orang Asli dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan.
- ii. Hipotesis Nol (HO) 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min murid Orang Asli dalam topik peribahasa antara praujian dan pascaujian dalam kumpulan rawatan.



- iii. Hipotesis Nol (HO) 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian min skor peribahasa murid Orang Asli dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- iv. Hipotesis Nol (HO) 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan rawatan murid Orang Asli dengan jantina murid Orang Asli pada fasa praujian dan pascaujian.
- v. Hipotesis Nol (HO) 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap praujian dan pascaujian penguasaan kumpulan rawatan murid Orang Asli dalam peribahasa dengan pegangan agama murid Orang Asli.
- vi. Hipotesis Nol (HO) 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan rawatan murid Orang Asli dengan bahasa utama murid Orang Asli pada fasa praujian dan pascaujian.
- vii. Hipotesis Nol (HO) 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan rawatan murid Orang Asli dengan tempat tinggal murid Orang Asli pada fasa praujian dan pascaujian.
- viii. Hipotesis Nol (HO) 8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan rawatan murid Orang Asli dengan pekerjaan keluarga murid Orang Asli dalam fasa praujian dan pascaujian.
- ix. Hipotesis Nol (HO) 9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan rawatan murid Orang Asli dengan golongan pendapatan keluarga murid Orang Asli dalam fasa praujian dan pascaujian.
- x. Hipotesis Nol (HO) 10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penguasaan peribahasa kumpulan rawatan murid Orang Asli dengan bilangan adik-beradik murid Orang Asli pada fasa praujian dan pascaujian.



- xi. Hipotesis Nol (HO) 11: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sikap dan pencapaian penguasaan murid Orang Asli dalam mempelajari topik peribahasa.
- xii. Hipotesis Nol (HO) 12: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan terhadap minat dan pencapaian murid Orang Asli dalam topik peribahasa.
- xiii. Hipotesis Nol (HO) 13: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sikap dan minat murid dalam pencapaian penguasaan murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa.


1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Teori kognitif dan pendekatan didik hibur terlibat dalam kajian ini untuk menguji keberkesanan Modul Rimba terhadap pencapaian murid Orang Asli dalam topik peribahasa. Pengujian tahap kognitif murid Orang Asli terhadap alam sekeliling dapat membantu dalam pembelajaran mereka kerana mereka boleh mengadaptasi serta mengkoordinasi sesuatu benda maujud atau gambaran bagi mengingat sesuatu peribahasa. Manakala, pendekatan didik hibur pula adalah memberi keseronokan kepada murid-murid Orang Asli tersebut kerana boleh mengeksploitasi sendiri alam sekeliling mereka bagi melengkapkan sesuatu tugas peribahasa yang diberikan.

Topik peribahasa dipilih kerana Standard Pembelajaran (SP) Modul Rimba tidak melibatkan Aspek Seni Bahasa 4.1.1, sedangkan topik peribahasa sangat dekat dengan kehidupan murid Orang Asli. Topik peribahasa yang akan diajar berdasarkan SP 4.1.1 ialah simpulan bahasa, bandingan dan perumpamaan. Apabila topik ini diajar sudah pastinya mereka mudah untuk mengingat sesuatu peribahasa kerana mereka boleh menggambarkan objek alam di sekeliling mereka. Perkara ini memberi kebaikan



kepada diri murid Orang Asli apabila pencapaian mereka di dalam topik peribahasa meningkat.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kesan Modul Rimba terhadap pencapaian, latar belakang, sikap dan minat dalam penguasaan peribahasa murid Orang Asli

1.8 Definisi Operasional

Ada beberapa istilah yang diketengahkan dalam kajian ini. Definisi ini sangat penting bagi mengelakkan penyelidik terpesong semasa menjalankan kajian ini. Tambahan pula, penyelidik akan lebih memahami secara mendalam setiap istilah yang akan digunakan sepanjang kajian ini.



1.8.1 Kesan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), ada tiga maksud kesan iaitu tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu atau bekas, sesuatu sama ada kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian sama ada keadaan, perbuatan atau tindakan, kesudahan hasil atau akibat daripada sesuatu dan pengaruh pada pemikiran, sikap serta watak yang timbul akibat daripada menyaksikan mendengar atau membaca sesuatu. Masalah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dihadapi oleh murid di Malaysia tetapi adalah masalah sejagat. Kesan diuji kepada Modul Rimba untuk mengetahui tahap penerimaan satu konsep atau kaedah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan modul dapat diketahui melalui tahap pencapaian murid selepas menggunakan Modul Rimba tersebut dalam topik peribahasa.



1.8.2 Modul Rimba

Modul Rimba merupakan modul yang berteraskan kepada elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM). Modul Rimba ini dibina oleh Penyelidik Rimbagogi sebagai panduan kepada para guru dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah yang lebih bercorak alami. Aktiviti luar yang dilaksanakan dalam modul pembelajaran ini menggunakan sepenuhnya elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) iaitu menggunakan lokasi di luar bilik darjah sebagai ruang pembelajaran, menggunakan persekitaran sebenar yang dinamakan Lokasi Rimba (LR), persekitaran yang selamat dan dijalankan secara konsisten setiap minggu. Seterusnya, mesra cuaca iaitu tetap meneruskan aktiviti walaupun hujan atau panas yang tidak membahayakan.





Guru dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan seperti baju hujan, topi dan peti pertolongan cemas dalam setiap aktiviti. Selain itu, guru mesti mengelakkan melaksanakan aktiviti sewaktu bencana alam contohnya banjir dan kemarau.

Seterusnya, setiap aktiviti yang dilaksanakan di dalam Modul Rimba adalah berpusatkan murid manakala guru adalah sebagai fasilitator. Aktiviti yang dijalankan menghubungkan antara guru, murid dan persekitaran. Proses pembelajaran dan pengajaran mempunyai sesi pengenalan dan penutup. Modul ini mengoptimumkan penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti Sekolah Rimba Malaysia (SRM) yang dijalankan. Modul Rimba mengandungi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Selain itu, pemetaan topik di dalam Modul Rimba terbahagi kepada lima tema utama iaitu tema Memancing Ikan, Kraftangan, Memburu, Bercucuk Tanam dan Kenal Alam Sekeliling. Namun begitu, tema ini dibahagikan kepada aras murid dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan iaitu tahun satu akan mempelajari tema Memancing Ikan yang melibatkan standard pembelajaran (SP) 2.1.1, membaca dengan sebutan yang betul merangkumi huruf vokal serta konsonan manakala tema Kraftangan melibatkan standard kandungan 4.2.1, melafazkan pantun dengan intonasi yang betul yang memberi fokus pantun dua kerat. Seterusnya, tahun dua akan mempelajari tema Memburu yang mengandungi standard pembelajaran (SP) 5.1.1 iaitu memahami, mengenal pasti dan menggunakan golongan kata mengikut konteks kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama serta penjodoh bilangan manakala tema Bercucuk Tanam mengandungi standard pembelajaran (SP) 3.2.1 iaitu membina dan menulis perkataan serta frasa. Akhir sekali tema Kenali Alam Sekeliling akan dipelajari oleh murid tahun



tiga yang mengandungi standard pembelajaran (SP) 1.1.1 iaitu mendengar, mengecam sebutan, memahami dan menyebut dengan betul dan tepat.

Pengkaji memilih Modul Rimba untuk diuji keberkesanannya terhadap topik peribahasa kerana dekat dengan unsur alam yang menjadi unsur dalam peribahasa Melayu. Tambahan pula, tema dalam Modul Rimba untuk tahap tiga ialah Kenali Alam Sekeliling yang sesuai untuk mengaplikasikan topik peribahasa dalam tema tersebut. Unsur alam yang menjadi binaan sesuatu peribahasa Melayu sangat dekat dengan kehidupan murid Orang Asli dan mudah untuk mereka memahami peribahasa Melayu jika diterapkan dengan unsur alam yang mereka sering temui. Sebagai contoh, kancil juga lupukan jerat. Kancil ialah haiwan yang menjadi sumber makanan kepada kaum Orang Asli dan mereka memburu kancil sama ada dengan menggunakan sumpit atau jerat yang dipasang untuk mendapatkan kancil tersebut. Oleh itu, murid Orang Asli akan mudah mengingat peribahasa Melayu tersebut.

1.8.3 Pencapaian

Pendidikan merupakan satu proses dan aktiviti yang bertujuan untuk menghasilkan satu perubahan yang dikehendaki di dalam diri seseorang. Menurut Doreen Ting Jia Chzin dan Shahlan Surat (2021) menyatakan prestasi akademik yang cemerlang adalah petunjuk penting untuk pencapaian seseorang murid. Maka, pencapaian adalah cara pengukuhan yang dijalankan oleh guru untuk mengetahui kemajuan dan kebolehan akademik murid. Sehubungan itu, gred, skor mentah, dan pangkat sesuatu subjek atau keseluruhan kursus diukur dalam pencapaian seseorang murid (Hafizah Abdul Razak,

2015). Kajian ini akan menggunakan kertas praujian dan pascaujian untuk menguji pencapaian murid Orang Asli dalam topik peribahasa. Soalan ujian terdiri daripada soalan peribahasa sahaja yang mengandungi soalan struktur bergambar simpulan bahasa dan perumpamaan.

1.8.4 Orang Asli

Orang Asli atau lebih dikenali juga sebagai “orang asal” adalah merujuk kepada orang terawal yang menduduki Semenanjung Tanah Melayu (Fifi Norhahdah Taman & Rozilah Kasim, 2021). Semenanjung Malaysia mempunyai 18 suku dari etnik Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu yang dikategorikan kepada tiga kumpulan utama berdasarkan genetik dan asal usul iaitu:

- i. Semang (atau Negrito), biasanya boleh diketemukan dalam lingkungan hingga ke bahagian utara semenanjung.
- ii. Senoi, menetap di bahagian tengah semenanjung.
- iii. Proto-Malay (atau Melayu Asli), menetap di wilayah selatan semenanjung.

Jadual 1.2

Bilangan Orang Asli Mengikut Etnik sehingga Jun 2018

NEGERI	ETNIK	SUBETNIK	BIL PENDUDUK
JOHOR	NEGRITO	Kensiu	0
JOHOR	NEGRITO	Kintak	0
JOHOR	NEGRITO	Lanoh	0
JOHOR	NEGRITO	Jahai	1
JOHOR	NEGRITO	Mendriq	0
JOHOR	NEGRITO	Bateq	0
JOHOR	SENOI	Temiar	5

(bersambung)



Jadual 1.2 (sambungan)

NEGERI	ETNIK	SUBETNIK	BIL PENDUDUK
JOHOR	SENOI	Semai	20
JOHOR	SENOI	Semoq Beri	6
JOHOR	SENOI	Che Wong	6
JOHOR	SENOI	Jah Hut	16
JOHOR	SENOI	Mah Meri	2
JOHOR	MELAYU PROTO	Temuan	762
JOHOR	MELAYU PROTO	Semelai	38
JOHOR	MELAYU PROTO	Jakun	7,091
JOHOR	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	123
JOHOR	MELAYU PROTO	Orang Kuala	3,454
JOHOR	MELAYU PROTO	Orang Seletar	1,615
KEDAH	NEGRITO	Kensiu	208
KEDAH	NEGRITO	Kintak	30
KEDAH	NEGRITO	Lanoh	10
KEDAH	NEGRITO	Jahai	3
KEDAH	NEGRITO	Mendriq	0
KEDAH	NEGRITO	Bateq	0
KEDAH	SENOI	Temiar	14
KEDAH	SENOI	Semai	5
KEDAH	SENOI	Semoq Beri	0
KEDAH	SENOI	Che Wong	0
KEDAH	SENOI	Jah Hut	0
KEDAH	SENOI	Mah Meri	0
KEDAH	MELAYU PROTO	Temuan	0
KEDAH	MELAYU PROTO	Semelai	0
KEDAH	MELAYU PROTO	Jakun	0
KEDAH	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	0
KEDAH	MELAYU PROTO	Orang Kuala	0
KEDAH	MELAYU PROTO	Orang Seletar	0
KELANTAN	NEGRITO	Kensiu	0
KELANTAN	NEGRITO	Kintak	1
KELANTAN	NEGRITO	Lanoh	2
KELANTAN	NEGRITO	Jahai	530
KELANTAN	NEGRITO	Mendriq	344
KELANTAN	NEGRITO	Bateq	504
KELANTAN	SENOI	Temiar	11,908
KELANTAN	SENOI	Semai	132
KELANTAN	SENOI	Semoq Beri	1
KELANTAN	SENOI	Che Wong	2
KELANTAN	SENOI	Jah Hut	4
KELANTAN	SENOI	Mah Meri	0
KELANTAN	MELAYU PROTO	Temuan	16
KELANTAN	MELAYU PROTO	Semelai	2
KELANTAN	MELAYU PROTO	Jakun	10
KELANTAN	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	1
KELANTAN	MELAYU PROTO	Orang Kuala	0
KELANTAN	MELAYU PROTO	Orang Seletar	0
MELAKA	NEGRITO	Kensiu	1
MELAKA	NEGRITO	Kintak	0
MELAKA	NEGRITO	Lanoh	0
MELAKA	NEGRITO	Jahai	0
MELAKA	NEGRITO	Mendriq	0
MELAKA	NEGRITO	Bateq	0
MELAKA	SENOI	Temiar	4
MELAKA	SENOI	Semai	21

(bersambung)





Jadual 1.2 (sambungan)

NEGERI	ETNIK	SUBETNIK	BIL PENDUDUK
MELAKA	SENOI	Semoq Beri	1
MELAKA	SENOI	Che Wong	1
MELAKA	SENOI	Jah Hut	0
MELAKA	SENOI	Mah Meri	1
MELAKA	MELAYU PROTO	Temuan	1,427
MELAKA	MELAYU PROTO	Semelai	3
MELAKA	MELAYU PROTO	Jakun	32
MELAKA	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	0
MELAKA	MELAYU PROTO	Orang Kuala	24
MELAKA	MELAYU PROTO	Orang Seletar	0
NEGERI SEMBILAN	NEGRITO	Kensiu	0
NEGERI SEMBILAN	NEGRITO	Kintak	0
NEGERI SEMBILAN	NEGRITO	Lanoh	0
NEGERI SEMBILAN	NEGRITO	Jahai	0
NEGERI SEMBILAN	NEGRITO	Mendriq	0
NEGERI SEMBILAN	NEGRITO	Bateq	0
NEGERI SEMBILAN	SENOI	Temiar	24
NEGERI SEMBILAN	SENOI	Semai	48
NEGERI SEMBILAN	SENOI	Semoq Beri	2
NEGERI SEMBILAN	SENOI	Che Wong	1
NEGERI SEMBILAN	SENOI	Jah Hut	8
NEGERI SEMBILAN	SENOI	Mah Meri	13
NEGERI SEMBILAN	MELAYU PROTO	Temuan	7,884
NEGERI SEMBILAN	MELAYU PROTO	Semelai	2,464
NEGERI SEMBILAN	MELAYU PROTO	Jakun	85
NEGERI SEMBILAN	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	0
NEGERI SEMBILAN	MELAYU PROTO	Orang Kuala	2
NEGERI SEMBILAN	MELAYU PROTO	Orang Seletar	0
PAHANG	NEGRITO	Kensiu	0
PAHANG	NEGRITO	Kintak	0
PAHANG	NEGRITO	Lanoh	1
PAHANG	NEGRITO	Jahai	15
PAHANG	NEGRITO	Mendriq	3
PAHANG	NEGRITO	Bateq	906
PAHANG	SENOI	Temiar	186
PAHANG	SENOI	Semai	18,876
PAHANG	SENOI	Semoq Beri	4,421
PAHANG	SENOI	Che Wong	610
PAHANG	SENOI	Jah Hut	5,328
PAHANG	SENOI	Mah Meri	18
PAHANG	MELAYU PROTO	Temuan	5,220
PAHANG	MELAYU PROTO	Semelai	4,769
PAHANG	MELAYU PROTO	Jakun	27,125
PAHANG	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	23
PAHANG	MELAYU PROTO	Orang Kuala	3
PAHANG	MELAYU PROTO	Orang Seletar	2
PERAK	NEGRITO	Kensiu	28
PERAK	NEGRITO	Kintak	163
PERAK	NEGRITO	Lanoh	369
PERAK	NEGRITO	Jahai	1,838
PERAK	NEGRITO	Mendriq	12
PERAK	NEGRITO	Bateq	3
PERAK	SENOI	Temiar	18,541
PERAK	SENOI	Semai	31,437
PERAK	SENOI	Semoq Beri	62

(bersambung)





Jadual 1.2 (sambungan)

NEGERI	ETNIK	SUBETNIK	BIL PENDUDUK
PERAK	SENOI	Che Wong	19
PERAK	SENOI	Jah Hut	219
PERAK	SENOI	Mah Meri	3
PERAK	MELAYU PROTO	Temuan	225
PERAK	MELAYU PROTO	Semelai	229
PERAK	MELAYU PROTO	Jakun	134
PERAK	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	1
PERAK	MELAYU PROTO	Orang Kuala	14
PERAK	MELAYU PROTO	Orang Seletar	2
SELANGOR	NEGRITO	Kensiu	0
SELANGOR	NEGRITO	Kintak	0
SELANGOR	NEGRITO	Lanoh	0
SELANGOR	NEGRITO	Jahai	0
SELANGOR	NEGRITO	Mendriq	3
SELANGOR	NEGRITO	Bateq	0
SELANGOR	SENOI	Temiar	356
SELANGOR	SENOI	Semai	895
SELANGOR	SENOI	Semoq Beri	9
SELANGOR	SENOI	Che Wong	8
SELANGOR	SENOI	Jah Hut	43
SELANGOR	SENOI	Mah Meri	3,762
SELANGOR	MELAYU PROTO	Temuan	12,055
SELANGOR	MELAYU PROTO	Semelai	222
SELANGOR	MELAYU PROTO	Jakun	205
SELANGOR	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	0
SELANGOR	MELAYU PROTO	Orang Kuala	28
SELANGOR	MELAYU PROTO	Orang Seletar	1
TERENGGANU	NEGRITO	Kensiu	0
TERENGGANU	NEGRITO	Kintak	0
TERENGGANU	NEGRITO	Lanoh	0
TERENGGANU	NEGRITO	Jahai	0
TERENGGANU	NEGRITO	Mendriq	0
TERENGGANU	NEGRITO	Bateq	34
TERENGGANU	SENOI	Temiar	0
TERENGGANU	SENOI	Semai	3
TERENGGANU	SENOI	Semoq Beri	811
TERENGGANU	SENOI	Che Wong	4
TERENGGANU	SENOI	Jah Hut	0
TERENGGANU	SENOI	Mah Meri	0
TERENGGANU	MELAYU PROTO	Temuan	1
TERENGGANU	MELAYU PROTO	Semelai	0
TERENGGANU	MELAYU PROTO	Jakun	40
TERENGGANU	MELAYU PROTO	Orang Kanaq	0
TERENGGANU	MELAYU PROTO	Orang Kuala	0
TERENGGANU	MELAYU PROTO	Orang Seletar	0

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), Orang Asli merupakan penduduk asal di negeri ini. Mengikut definisi Orang Asli dalam Akta Orang Asli 1954, seksyen 3 (1) mentakrifkan Orang Asli sebagai:





- a) Mana-mana orang yang bapanya adalah ahli kumpulan Orang Asli, bercakap bahasa Orang Asli dan secara amnya mengikut cara hidup Orang Asli serta adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk dalam keturunan lelaki tersebut.
- b) Sesiapa sahaja daripada mana-mana kaum beranak angkatkan Orang Asli atau dilahirkan oleh Orang Asli semasa bayi, biasanya bercakap bahasa Orang Asli, biasanya mengikut cara hidup dan adat resam serta kepercayaan Orang Asli adalah ahli komuniti Orang Asli.
- c) Anak dari mana-mana penyatuan antara seorang wanita Orang Asli dan seorang lelaki dari kaum lain, selagi kanak-kanak itu secara amnya bercakap bahasa Orang Asli dan secara amnya mematuhi cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli.

Melalui definisi yang diberikan, masyarakat Orang Asli ialah warga Peribumi iaitu golongan penduduk asal Malaysia, tetapi berbeza dengan kelompok penduduk yang diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera. Istilah Orang Asli hanya diguna bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Tanah Melayu manakala lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera. Murid-murid Orang Asli dalam kajian ini merujuk kepada murid-murid yang berada di tahun tiga sekolah rendah yang terlibat dengan Modul Rimba untuk topik peribahasa.



1.8.5 Peribahasa

Menurut Nurul Asmaa Akmal Md Din & Awang Azman Awang Pawi (2020), salah satu cara orang dahulu menyampaikan maksud yang tersirat adalah melalui peribahasa. Selain itu, peribahasa adalah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu, bidal dan pepatah (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).

Salah satu daripada puisi yang paling lama serta memaparkan akal budi bangsa Melayu ialah peribahasa. Ciptaan peribahasa berdasarkan unsur yang ada di sekeliling masyarakat Melayu dahulu. peribahasa ialah ayat atau susunan kata yang mempunyai maksud tertentu yang biasanya merujuk kepada maksud berkias, berlapis atau tersirat.

Ada dua jenis peribahasa yang utama iaitu peribahasa yang memberi maksud selapis seperti pepatah, bidalan dan perbilangan serta yang memberi maksud dua lapis seperti perumpamaan dan simpulan bahasa.

Peribahasa terbahagi kepada simpulan bahasa, bidalan, pepatah, perumpamaan dan bandingan semacam. Penggunaan peribahasa dalam karangan, ucapan, skrip drama dan kertas kerja boleh mengindahkan struktur bahasa tersebut. Simpulan bahasa adalah himpunan kata yang memiliki susunan yang tetap. Simpulan bahasa biasanya terdiri daripada dua patah perkataan. Terdapat beberapa nama mengenai simpulan bahasa iaitu bunga bahasa, mutiara bahasa dan mestika bahasa. Kata bidalan ialah peribahasa yang mengandungi nasihat dan pengajaran. Kata bidalan tidak didahului dengan kata sendi nama seperti bagai, laksana dan umpama. Perbezaan antara bidalan dengan pepatah ialah bidalan lebih kerap digunakan, mempunyai nilai, ilmu dan pengajaran. Sedangkan pepatah lebih ringkas sifatnya dan tidak mempunyai pengajaran. Peribahasa yang

berangkap dan terselit irama ialah pepatah. Tujuan pepatah untuk memberi penegasan terhadap unsur-unsur pengajaran yang hendak disampaikan merupakan ciri yang jelas dapat dilihat daripada pengulangan kata.

Seterusnya, perumpamaan boleh dilihat melalui sesuatu dengan sesuatu yang lain. Perumpamaan terbentuk daripada susunan kata-kata yang indah, ringkas dan kemas serta mempunyai maksud yang tersirat. Perumpamaan biasanya menggunakan kata bandingan iaitu bagai, ibarat, laksana, seperti, dan umpama. Bandingan semacam adalah susunan kata yang merupakan bahasa kiasan bagi menunjukkan keadaan, sifat seseorang atau benda secara perbandingan. Tujuan perbandingan semacam adalah untuk menguatkan makna sesuatu ucapan. Ungkapan bandingan semacam turut menggunakan kata bandingan bagai, laksana, macam dan seperti. Nilai yang teradun dalam bahasa kiasan Melayu merangkumi nilai teladan, nasihat, pengajaran, nilai ilmu dan nilai budaya.

Kajian ini akan mengaplikasikan subtopik dalam peribahasa iaitu simpulan bahasa dan perumpamaan dalam Modul Rimba bagi menguji keberkesanan modul ini apabila diadaptasikan dengan topik peribahasa. Pemilihan subtopik ini berlandaskan Dokumen Standard Sekolah Rendah (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu tahun tiga dalam aspek seni bahasa. Dalam aspek seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun tiga dari aspek seni bahasa hanya memerlukan murid mempelajari simpulan bahasa, bandingan semacam dan perumpamaan. Justeru itu, pengkaji hanya memberi fokus kepada simpulan bahasa dan perumpamaan yang menjadi inti dalam penulisan karangan yang gramatis dan matang.



1.8.6 Sekolah Rimba

Sekolah Rimba atau *Forest School* yang ada di Malaysia telah diambil reka bentuknya daripada United Kingdom berdasarkan pembelajaran di luar bilik darjah. Sekolah ini menggunakan hutan sebagai sumber maklumat pembelajaran dan menjadikan pembelajaran di luar bilik darjah sebagai teras aktiviti pembelajaran. Elemen dalam Sekolah Rimba Malaysia memberikan fokus kepada empat kriteria utama iaitu pendekatan pembelajaran, persekitaran, konsistensi dan amalan pengurusan risiko.

Elemen penting dan utama adalah pendekatan pembelajaran luar bilik darjah dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Pembelajaran di luar bilik darjah melibatkan kerjasama dalam pengetahuan, kemahiran, sikap dan kerja berkumpulan melalui aktiviti yang dijalankan. Penglibatan aktif murid dalam pembelajaran akan meningkat apabila pendekatan pembelajaran berpusatkan murid berlaku (Alizah Lambri & Zamri Mahamood, 2019). Guru hanya sebagai pembimbing dalam pembelajaran untuk memandu murid melaksanakan aktiviti yang diarahkan oleh guru.

Elemen kedua Sekolah Rimba Malaysia ialah persekitaran. Menurut Norwaliza Abdul Wahab et al. (2020) kerangka Sekolah Rimba akan berfungsi sebagai panduan dan rujukan yang komprehensif bagi penggubal dasar kerana elemen pengetahuan Orang Asli perlu disertakan dalam sukatan pembelajaran sekolah rendah untuk memastikan kelestarian hidup Orang Asli di hutan. Kehidupan Orang asli di dalam hutan juga difikirkan sebagai persekitaran sebenar, persekitaran semula jadi yang tidak berada dalam lingkungan konkrit. Persekitaran pembelajaran yang berada di luar daripada kelaziman murid yang hanya duduk di dalam bilik darjah dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran yang diajar.



Persekitaran yang akan digunakan untuk pembelajaran mestilah selamat dan telah dihadkan dalam kawasan sekolah sahaja.

Elemen Sekolah Rimba Malaysia yang ketiga adalah ketekalan. Aspek ketekalan merangkumi elemen masa, mesra cuaca dan ruang. Pelaksanaan Sekolah Rimba mestilah dijalankan secara tekak dan konsisten. Pelaksanaan secara mingguan adalah kunci bagi kejayaan pelaksanaan Sekolah Rimba kerana membolehkan murid-murid untuk membuat perbandingan mengenai pengalaman pembelajaran di persekitaran sejati dengan aktiviti kehidupan mereka seharian. Aspek mesra cuaca boleh membantu murid menjadi lebih prihatin ketika menghadapi cuaca yang kurang baik apabila murid-murid perlu menyediakan pakaian dan peralatan yang lengkap yang membolehkan mereka menjalankan aktiviti. Aspek ruang adalah untuk memastikan sensitiviti dan keprihatinan murid terhadap melestarikan alam sekitar daripada dimusnahkan kelak.

Menurut Nur Bahiyah Abdul Wahab et al. (2019) elemen Sekolah Rimba Malaysia keempat adalah amalan pengurusan risiko meliputi dua aspek utama iaitu bentuk risiko dan langkah pengurusan risiko. Sebagai contoh, di Eropah, Pengamal Sekolah Rimba perlu mempunyai tauliah sekurang-kurangnya Tahap 3 daripada pertubuhan yang berdaftar bagi memastikan mereka dapat menguruskan risiko dengan baik. Maka, guru Sekolah Rimba perlu menjalani kursus terlebih dahulu bagi memahami pelaksanaan Sekolah Rimba ini.



1.8.7 Sekolah rendah yang digazetkan untuk murid Orang Asli

Salah satu dasar Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk menyediakan peluang pendidikan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, budaya, etnik, status ekonomi, dan merentasi sempadan geografi di kawasan bandar, pinggir bandar atau luar bandar. Dalam melaksanakan dasar tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdepan pelbagai isu dan cabaran khususnya bagi sekolah Orang Asli dan warga sekolah di luar bandar. Masalah utama di sekolah ini adalah kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah. Jarak antara sekolah rendah dan menengah, bentuk muka bumi dan kekurangan pengangkutan ke kawasan pedalaman menjadi faktor kewujudan sekolah ini.



Lokasi yang dipilih untuk kajian ialah daerah Kuala Langat yang terletak di barat daya Negeri Selangor. Daerah Hulu Langat bersempadan dengan Daerah Sepang dan Daerah Klang. Terdapat enam sekolah yang digazetkan untuk murid Orang Asli di Daerah Kuala Langat iaitu SK Sungai Bumbum (Asli), SK (Asli) Bukit Cheding, SK (Asli) Bukit Kemandol, SK Sungai Judah, SK Bukit Tadam, dan SK Kampong Busut Asli.

Antara enam sekolah ini ada dua sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan dasar terlebih dahulu daripada sekolah-sekolah rendah yang lain. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memilih SK Sungai Bumbum (Asli) dalam Pelaksanaan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) sejak Januari 2020. Seterusnya, SK (Asli) Bukit Kemandol merupakan sekolah K9 yang ditubuhkan atas inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu di bawah





Program Model Khas Komprehensif 9 (K9). Sekolah K9 bermaksud, murid mula bersekolah rendah pada tahun satu hingga tahun enam, kemudian menyambung persekolahan sekolah menengah rendah dalam tingkatan satu hingga tingkatan tiga, di sekolah yang sama dalam tempoh sembilan tahun.

1.8.8 Pembelajaran Tradisional

Menurut Nor Azilah Ahmad et al., (2017) pembelajaran tradisional atau juga dikenali sebagai pendekatan “chalk and talk” sudah tidak relevan lagi dengan keperluan pelajar masa kini. Cara penyampaian ilmu yang disampaikan secara lisan yang juga dikenali sebagai pembelajaran konvensional. Pembelajaran tradisional adalah apabila guru mengajar sepenuhnya secara kuliah dan murid mendengar penerangan semasa proses pengajaran guru (Fauziah Md Jaafar et al., 2017). Pengajaran adalah proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai. Selalunya melibatkan seorang yang pakar dalam sesuatu bidang seperti guru, pensyarah dan penceramah. Murid hanya menerima maklumat daripada guru. Perkara ini menyebabkan murid kurang fokus dalam pembelajaran kerana komunikasi hanya berlaku satu hala sahaja (Law Yiing Yiing & Zamri Mahamod, 2021).

1.8.9 Minat

Salah satu faktor yang dapat mempengaruhi usaha yang dilakukan seseorang adalah minat (Andi Achru P., 2019). Menurut May Asliza Tan Zalilah (2019), minat adalah





keprihatinan terhadap sesuatu serta berkeinginan untuk mempelajari sesuatu perkara. Sehubungan itu, minat boleh menentukan kecemerlangan atau kemunduran seseorang murid dalam bahasa Melayu. Jika murid tidak minat mempelajari bahasa Melayu terutamanya topik peribahasa sudah tentulah mereka tidak akan memberi tumpuan sepenuhnya semasa guru mengajar. Kini, tugas guru semakin mencabar dan menjadi tanggungjawab membantu menarik murid untuk meningkatkan prestasi mereka dalam subjek bahasa Melayu. Walaupun, guru mempunyai modul sebagai bahan bantu mengajar tetapi peranan guru masih lagi penting dalam proses kemenjadian murid. Menurut Winnie Kho Jen Nie et al., (2021) murid yang berminat dalam pengajaran dan pembelajaran guru ialah murid yang aktif di dalam kelas. Maka mudahlah bagi seseorang murid untuk menyerap segala ilmu yang disampaikan oleh guru.



1.8.10 Sikap

Sikap adalah keadaan mental yang kompleks serta keadaan untuk bertindak balas dengan penuh keyakinan dan perasaan (Nur Afifah Fadzil et al., 2021). Menurut Icek Ajzen dan Martin Fishbein (2000) teori sikap mendedahkan bahawa mereka bersetuju tentang hubungan antara sikap dan konsep lain seperti keyakinan, kebimbangan, kecerdasan, umur dan penglibatan. Kajian yang dijalankan oleh Siti Nurhamiyah Mail & Laili Farhana Md Ibharim (2020) menyatakan pengaruh sikap seseorang terhadap kelakuan merujuk kepada penilaian individu tersebut sama ada baik atau buruk. Kajian ini untuk melihat sikap murid Orang Asli sama ada positif atau negatif dalam diri mereka terutama dalam sesuatu pembelajaran yang diajarkan di sekolah. Sikap ini penentu kepada pencapaian penguasaan sesuatu pembelajaran topik peribahasa.





1.8.11 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Matlamat kurikulum kebangsaan adalah melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik, serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi serta bekerja secara berpasukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Komponen kursus dibahagikan kepada kandungan, pedagogi dan penilaian. Isi kandungan merangkumi kandungan mata pelajaran dan tujuan serta tujuan pembelajaran atau hasil pembelajaran yang diharapkan melalui mata pelajaran tersebut. Kedua, pedagogi ialah pengalaman pembelajaran, dan matlamat pembelajaran harus dicapai melalui teknologi dan metodologi yang berkualiti tinggi. Atur pengalaman pembelajaran yang terancang untuk mencapai matlamat pembelajaran. Selain itu, kaedah untuk menentukan objektif pembelajaran semasa proses pembelajaran telah dilaksanakan.

Pentaksiran adalah penting untuk guru memahami perkembangan murid, menilai keberkesanan, membantu menambah baik pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan membantu merancang tindakan susulan. Penilaian juga penting untuk pelajar memahami matlamat pembelajaran mereka dan memahami kemajuan pembelajaran mereka. Seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri serta tindakan pelajar untuk meningkatkan potensi diri.

Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) merupakan dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran. DSKP menyenaraikan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). Standard Kandungan (SK) ialah pernyataan khusus tentang perkara yang murid patut tahu dan boleh lakukan semasa persekolahan mereka, meliputi pengetahuan, kemahiran dan





nilai. Kedua, standard pembelajaran ialah satu set kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Pada masa yang sama, standard prestasi adalah satu set piawaian umum yang menunjukkan tahap penguasaan pelajar sebagai petunjuk bahawa sesuatu telah dikuasai. DSKP membantu memudahkan guru melaksanakan pentaksiran dalam proses PdP. Sekiranya pelajar berjaya dalam penilaian, mereka akan memperoleh kecekapan pada skala 1 hingga 6.

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian telah ditetapkan oleh pengkaji supaya dapatan kajian pengkaji lebih berfokus seperti berikut:



- i. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan pendekatan kuasi-eksperimental, tinjauan dan korelasi yang bertujuan untuk mengetahui perbezaan pencapaian min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan terhadap penguasaan peribahasa dalam penggunaan Modul Rimba. Selain itu, mengetahui latar belakang murid yang mempengaruhi perbezaan pencapaian murid Orang Asli. Seterusnya, mengetahui perhubungan antara pencapaian dan sikap, pencapaian dan minat, serta sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pencapaian penguasaan peribahasa.
- ii. Kajian akan menguji topik peribahasa yang berfokus hanya kepada simpulan bahasa.



- iii. Pengkaji telah memilih enam buah sekolah rendah di bawah PPD Kuala Langat yang digazetkan untuk murid Orang Asli. Pemilihan ini dibuat kerana PPD Kuala Langat paling banyak sekolah rendah untuk murid Orang Asli berbanding dengan PPD yang lain. Sampel hanya melibatkan murid Orang Asli tahun tiga sahaja kerana berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) murid tahun tiga sudah mula mempelajari simpulan bahasa dan perumpamaan. Maka, skop kajian hanya berfokus kepada topik peribahasa melalui kemahiran menulis murid. Jumlah sampel adalah seramai 111 orang murid tahun tiga daripada enam buah sekolah Orang Asli di Kuala Langat.
- iv. Instrumen yang digunakan adalah kertas soalan praujian dan pascaujian serta borang soal selidik. Ketepatan kajian juga bergantung kepada keterbukaan murid ketika menjawab instrumen yang diberikan nanti.
- v. Kajian ini merupakan kajian analisis deskriptif dan analisis inferensi. Kajian analisis deskriptif untuk mendapatkan peratusan, min, median, mod dan sisihan piawai manakala analisis inferensi untuk mengetahui perhubungan antara pemboleh ubah melalui ujian-T dan ujian korelasi.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting pada masa hadapan untuk meningkatkan taraf pendidikan masyarakat Orang Asli. Hal ini akan membantu pihak yang terbabit untuk mencari program yang sesuai untuk membantu murid Orang Asli meningkatkan prestasi akademik mereka terutama dalam topik peribahasa yang menjadi salah satu asas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.



1.10.1 Membantu meningkatkan kefahaman murid Orang Asli dalam peribahasa

Kajian ini akan membantu murid Orang Asli dalam pendidikan mereka terutama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bahasa Melayu ialah mata pelajaran wajib lulus untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maka akar pengetahuan bahasa Melayu tersebut mestilah bermula daripada sekolah rendah. Pengkaji perlu mencari punca kelemahan mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutama dalam topik peribahasa dan cara-cara mengatasi masalah ini. Soalan peribahasa selalunya diuji dalam bahagian Tatabahasa dan penulisan karangan. Walaupun markah bahagian Tatabahasa tidaklah begitu banyak tetapi peribahasa ini sangat penting terutama dalam penulisan karangan. Penulisan karangan yang baik mestilah mempunyai peribahasa yang sesuai dengan perenggan tersebut yang menjadikan penulisan mereka gramatis dan matang.



1.10.2 Menambahbaik Amalan Pengajaran Guru

Penyelidikan ini diharap dapat membantu guru-guru bahasa Melayu merancang aktiviti pengajaran yang berkesan kepada murid Orang Asli. Hal ini merupakan penambahbaikan amalan pendidikan terutamanya dalam meningkatkan ilmu profesionalisme guru terutama berhadapan dengan murid Orang Asli yang masih tidak terdedah dengan media sosial berbanding dengan murid-murid yang lain. Hasil penyelidikan ini dapat membantu semua guru bahasa Melayu untuk menambah baik pengajaran dan pembelajaran secara berterusan bagi mencari strategi yang berkesan untuk meningkatkan pendidikan murid Orang Asli.





1.10.3 Menawarkan Pendekatan Strategi Pengajaran untuk dihebahkan kepada Tenaga Pengajar dan Murid

a) Pejabat Pendidikan Daerah

Kajian ini juga penting kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kerana sekolah tersebut di bawah tanggungjawab mereka. Dapatan kajian akan membantu Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mengadakan program yang bersesuaian untuk guru-guru bahasa Melayu dan murid-murid Orang Asli ini. Program yang dijalankan mestilah meningkatkan pedagogi seseorang guru terutama berdepan dengan murid-murid Orang Asli yang lazimnya masih belum terdedah kepada dunia luar. Sesetengah daripada kaum Orang Asli masih duduk di kawasan pedalaman yang menjadi tempat tinggal mereka malah tidak mempunyai siaran televisyen dan talian telefon mahupun Internet yang boleh membantu mereka melihat dunia luar.



b) Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)

Kajian ini akan membantu Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) menyediakan pelbagai inisiatif seperti dasar, kurikulum khas, pelan tindakan dan strategi yang akan dirancang untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memajukan pendidikan Orang Asli. Inisiatif ini akan membantu murid Orang Asli duduk sama taraf dengan kaum yang lain. Penguasaan dan peluang pendidikan yang diberikan kepada murid Orang Asli adalah faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik. Salah satu program yang dapat membantu murid Orang Asli adalah Seksyen Modal Insan (SMI) yang berperanan membuka peluang dan memajukan taraf pendidikan anak-anak Orang Asli bermula dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kajian ini dapat meningkatkan lagi peranan program ini dalam memupuk kesedaran tentang



kepentingan pendidikan tanpa melupakan pendidikan tidak formal masyarakat Orang Asli. Sebagai contoh, memperkasakan Institusi Sosial Orang Asli iaitu Institusi Tok Batin dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKKOA).

c) **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada pembuat dasar di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menghasilkan modul pembelajaran yang lebih terperinci dalam menarik minat murid untuk belajar terutamanya murid Orang Asli yang kurang menerima akses teknologi maklumat. Modul yang dihasilkan mestilah diselaraskan mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) supaya modul tersebut lebih mantap isi kandungannya. Standard Kandungan yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) adalah bersifat jangka panjang. Standard ini menekankan aspek holistik untuk mencapai objektif pembelajaran mata pelajaran.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhan, Bab 1 menjelaskan kepada pembaca berkaitan dengan latar belakang kajian yang menjurus kepada Kesan Modul Rimba terhadap pencapaian murid Orang Asli tahun tiga dalam topik peribahasa Melayu. Penerangan berkaitan dengan latar belakang Orang Asli di Malaysia. Pernyataan masalah kajian berkaitan dengan isi kandungan Bahasa Melayu di dalam Modul Rimba selari atau tidak dengan Dokumen Standard Kandungan Pembelajaran (DSKP) Bahasa Melayu terutama dalam topik peribahasa. Beberapa persoalan masalah diutarakan pengkaji berkaitan perbezaan



pencapaian skor peribahasa murid Orang Asli dalam praujian dan pascaujian dalam kumpulan eksperimen serta kesan penggunaan Modul Rimba sebelum dan selepas dalam penguasaan pencapaian peribahasa kepada murid Orang Asli. Kepentingan kajian penting untuk guru-guru Bahasa Melayu mencari pendekatan yang terbaik untuk mengabung jalinkan unsur alam dengan topik peribahasa tersebut dan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menggubal modul baharu yang selari dengan Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu supaya pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Skop dan batasan kajian ialah di sekolah rendah yang digazetkan untuk murid Orang Asli di daerah Kuala Langat. Ilustrasi kerangka konsep yang dihasilkan di dalam kajian akan membantu pengkaji supaya tidak terkeluar daripada landasan kajian yang dijalankan.

